KAM TECK SOON

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
VT SINGHAM PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-25-2000]
1 OGOS 2001

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Habeas Corpus - Permohonan - Sama ada pemohon telah diberi butir-butir dan alasan-alasan semasa tangkapan - Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5(3) - Sama ada dipatuhi - Sama ada pemohon memerlukan butir-butir yang terkandung di dalam perintah tahanan - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, s. 4(1) - Perkataan "as soon as may be" dalam Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan - Patutkah diberi interpretasi yang luas - Sama ada membenarkan pihak berkuasa masa yang munasabah untuk menyediakan sebab-sebab tahanan - Tahanan - Sama ada tahanan pemohon di balai polis dan seterusnya di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam sah di sisi undang- undang - Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, ss. 3(1), (3), 4(1)(2), (4)(b), (c), 4C, 5 - Perlembagaan Persekutuan Perkara 5(1), (3), 149, 150, 150(2), 151, 151(3)*

PROSEDUR SIVIL: *Perakuan segera - Sama ada boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya - Sama ada ditetapkan untuk ditandatangani oleh peguamcara dan peguambela sahaja - Sama ada perakuan segera menjelaskan mengapa permohonan harus didengar dengan serta-merta - Keputusan di atas perakuan segera - Sama ada keputusan kehakiman atau pentadbiran*

Pemohon telah ditahan di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 (Ordinan) di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam (PPASR). Pemohon memohon kepada mahkamah untuk satu writ *habeas corpus* diperintahkan dengan mengarahkan responden-responden membawa pemohon ke hadapan mahkamah dengan serta-merta supaya pemohon dapat dilepaskan. Pemohon mendakwa bahawa penahanan pemohon adalah tidak sah kerana pemohon tidak diberikan alasan-alasan penahanan mengikut Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan).

Isu-isu yang ditimbulkan adalah: (1) sama ada butir-butir yang telah diberitahu kepada pemohon apabila beliau ditangkap mencukupi mengikut s. 3(1) Ordinan tersebut dibaca bersama dengan Perkara 5(3) Perlembagaan tersebut; (2) penggunaan perkataan "as soon as may be" di Perkara 5(3) Perlembagaan tersebut; (3) sama ada penahanan pemohon adalah sah walaupun tidak dibawa

ke PPASR dengan serta-merta dari balai polis; (4) sama ada perakuan segera menyatakan atau menjelaskan mengapa permohonan jenayah ini harus didengar dengan segera atau serta-merta dan (5) sama ada keputusan di atas perakuan segera adalah keputusan kehakiman atau keputusan pentadbiran.

Diputuskan:

[1] Melalui lampiran 6H Sarjan Abdullah Awang dengan jelas menyatakan bahawa semasa tangkapan dibuat, beliau telah menjelaskan kepadanya sebab-sebab dan alasan-alasan ianya ditangkap dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan dalam Bahasa Kantonis. Perkara ini telah disokong oleh afidavit Tin Kee Seong melalui afidavit lampiran 6F. Kedua-dua afidavit lampiran 6H dan 6F lansung tidak dicabar oleh pemohon. Ini bermakna apa yang dikatakan di dalam kedua-dua afidavit tersebut harus diterima. (ms 609 e-h)

[1a] Apa yang diberitahu oleh Sarjan Abdullah Awang kepada pemohon apabila beliau ditangkap mematuhi Perkara 5(3) Perlembagaan dan pemohon tidak perlu diberi butir-butir seperti yang terkandung dalam perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut bagi tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Sekiranya Perkara 5(3) Perlembagaan memerlukan bahawa pemohon diberitahu butir-butir seperti yang terkandung dalam perintah tahanan, mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak perlu bagi pemohon ditahan tidak melebihi 60 hari di bawah jagaan polis untuk siasatan.
(ms 610 b-c)

[1b] Tahanan tidak melebihi 60 hari di bawah s. 3(3) Ordinan tersebut adalah untuk tujuan siasatan selepas pegawai polis mendapati ada sebab mempercayai bahawa ada sebab-sebab bagi mematutkan orang itu ditahan di bawah s. 4(1) Ordinan. Perkara 5(3) Perlembagaan telah dipatuhi apabila perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut dikeluarkan oleh Menteri dan diserahkan kepada pemohon sebelum 60 hari luput. (ms 610 c-d, 613 b-c)

[2] Perkataan “as soon as may be” di Perkara 5(3) Perlembagaan untuk s. 3(1) Ordinan, sama ada masa itu akan mengambil masa yang panjang atau pendek adalah tertakluk kepada alasan-alasan yang akan disediakan untuk s. 4(1) Ordinan tersebut. Seorang yang ditahan atau ditangkap di bawah s. 3(1) Ordinan tersebut tidak harus diberitahu sebab-sebab dengan serta-merta atau dengan segera dan sebaik sahaja tangkapan dibuat atau pada masa tangkapan tetapi boleh diberitahu sebab-sebabnya seberapa cepat yang boleh. Juga, ia memberi makna bahawa ia membenarkan pihak yang berkuasa masa yang munasabah untuk meyediakan sebab-sebab. Perkataan “as soon as may be” di Perkara 5(3) Perlembagaan tersebut harus diberi interpretasi yang luas dan tidak boleh diberi interpretasi yang sempit. (ms 613 e-i, 614e)

[3] Oleh kerana pemohon tidak diserahkan kepada PPASR sebaik sahaja perintah di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon, apa yang penting adalah kandungan dan syarat-syarat perintah tahanan yang jelas menunjukkan tahanan di PPASR berkuatkuasa. Tahanan pemohon di PPASR di bawah s. 4(1) Ordinan tersebut adalah sah di sisi undang-undang dan tidak menjejaskan perintah tahanan walaupun pemohon tidak dibawa dengan serta-merta ke PPASR dari balai polis atau sebaik sahaja perintah s. 4(1) Ordinan tersebut diserahkan kepada pemohon kerana s. 4(C) Ordinan tersebut memberi perlindungan terhadap tahanan tersebut. (ms 620 b-d)

[4] Tujuan perakuan segera adalah jelas difailkan apabila perkara itu perlu perhatian segera atau serta-merta oleh mahkamah dan juga permohonan itu didengar dengan segera. Adalah wajar untuk menyatakan bahawa mana-mana pihak atau peguam yang memfailkan perakuan segera harus memastikan perakuan segera itu benar-benar perlu difailkan bersama-sama dengan permohonan atau sebarang tindakan dan tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Untuk tujuan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa perakuan segera ditetapkan untuk ditandatangani oleh seorang peguamcara dan peguambela supaya peguambela tersebut boleh bertanggungjawab bagi perakuan segera tersebut. (ms 622 g-i)

[4a] Alasan-alasan yang disandarkan bagi memperakui seperti perakuan segera langsung tidak menyatakan atau menjelaskan mengapa permohonan jenayah ini harus didengar dengan segera atau serta-merta. Oleh yang demikian, peluang yang diberi kepada seorang peguambela untuk memfailkan perakuan segera tidak patut disalahgunakan kerana kalau satu kes ditetapkan pada tarikh awal atau dengan segera atau serta-merta, ia akan menafikan peluang kepada satu kes yang lain atau kepada seorang litigant yang lain daripada mendengar kes beliau yang telahpun ditetapkan terlebih dahulu. Pemohon tidak berapa serious apabila memfailkan perakuan segera di dalam kes ini kerana banyak permohonan untuk penangguhan dibuat di atas pelbagai alasan dan ini adalah bertentangan dengan tujuan perakuan segera. (ms 622i, 623 a-d)

[5] Semua permohonan atau tindakan yang difailkan di Mahkamah Tinggi bersama dengan perakuan segera harus dirujuk kepada hakim atau pesuruhjaya kehakiman mahkamah tinggi untuk menimbang sama ada perbicaraan harus didengar dengan segera atau dengan serta merta. Keputusan di atas perakuan segera adalah satu keputusan kehakiman dan bukan keputusan pentadbiran dan keputusan ini harus dibuat oleh seorang hakim mahkamah tinggi atau pesuruhjaya kehakiman mahkamah tinggi sama ada untuk memberi tarikh dengan segera atau tidak. (ms 623 e-f)

[Permohonan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara And Gobalakrishnan Nagappan Ketua Polis Negera [2001] 2 CLJ 709 ***(dirujuk)***

Abdul Jabar Butt v. State Of J & K Air [1957] SC 281 ***(dirujuk)***

Aminah v. Superintendent Of Prison, Pengkalan Chepa, Kelantan [1968] 1 MLJ 92 ***(dirujuk)***

Andrew Thamboosamy v. Superintendent Of Pudu Prisons, Kuala Lumpur [1976] 2 MLJ 156 ***(diikuti)***

Assa Singh v. Menteri Besar Johor [1969] 2 MLJ 30 ***(diikuti)***

Aw Ngoh Leang v. Inspector General Of Police & Ors [1993] 1 CLJ 373 ***(dirujuk)***

Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1990] 1 CLJ 61; [1990] 1 CLJ (Rep) 731 ***(dirujuk)***

Christie v. Leachinsky [1947] AC 573 ***(dibezakan)***

Dato' Menteri Othman Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus [1981] 1 MLJ 29 ***(dirujuk)***

Dharamjit Singh Johar Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1991] 1 CLJ 737; [1991] 2 CLJ (Rep) 559 ***(dibezakan)***

Gleb Sugar Refining Co Ltd v. Greenock Port And Harbours Trustees [1921] Vol 125 LT 579 ***(diikuti)***

Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia [1969] 2 MLJ 129 ***(diikuti)***

Lee Tai Hoo & Anor v. Lee Swee Keat & Anor [1987] 1 MLJ 304 ***(diikuti)***

Merdeka University Bhd v. Government Of Malaysia [1981] 1 CLJ 175; [1981] CLJ (Rep) 191 ***(dirujuk)***

Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Inspector General Of Police [2001] 3 CLJ 198 ***(dirujuk)***

Morgan Perumal v. K/Insp Hussein Abd Majid dan 5 Orang Lain [1998] 3 CLJ 629 ***(dibezakan)***

PP v. Datuk Harun Hj Idris & Ors [1976] 2 MLJ 116 ***(dirujuk)***

Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 CLJ (Rep) 649 ***(dirujuk)***

Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 2 MLJ 245 ***(dirujuk)***

Re Khor Hoi Choy; Khor Hoi Choy v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [1986] 2 MLJ 312 ***(dibezakan)***

Repco Holdings Bhd v. PP [1997] 4 CLJ 740 ***(dirujuk)***

Tan Hoon Seng & Anor v. Minister Home of Affairs, Malaysia [1990] 1 CLJ 423; [1990] 1 CLJ (Rep) 271 ***(dirujuk)***

Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police [1988] 1 MLJ 293 ***(dirujuk)***

Tong Chai Yoon v. Ong Seng Tio [1999] 8 CLJ 636 ***(dirujuk)***

Wong Kiew Meow lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan Satu Yang Lain [1994] 2 CLJ 43 ***(dirujuk)***

Yeap Hock Seng & Ah Seng v. Minister Of Home Affairs [1975] 2 MLJ 279 ***(dirujuk)***

Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs, Malaysia & Anor [1988] 2 MLJ 638 ***(dibezakan)***

Zakaria Jaafar v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Another Application [1989] 2 CLJ 1101; [1989] 2 CLJ (Rep) 691 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 365(a)(ii)
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 6(1), A
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, ss. 3(1), (3), 4(1), (2), (4)(b), (c), 4C, 5
Federal Constitution, arts. 5(1), (3), 149, 150(2), 151(3)
Internal Security Act 1960, s. 73(1)

Constitution [India], art. 22(1)

Bagi pihak pemohon - MM Athimulan; T/n Athimulan & Co
Bagi pihak responden-responden - Mohamad Abazafree Mohd Abbas

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

VT Singham PK:

Pemohon melalui notis usul yang bertarikh 16 Jun 2000 lampiran 3 telah memohon kepada mahkamah untuk satu writ *habeas corpus* dikeluarkan. Responden-responden yang dinamakan didalam notis usul adalah (1) Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia, (2) Penguasa Kanan Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor dan (3) Ketua Polis Negara Malaysia. Perintah tahanan terhadap pemohon dibuat di bawah s. 4(1) Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969.

Melalui afidavit lampiran 4 yang di ikrar pada 6 Jun 2000 oleh Yap Kim Mooi, isteri bagi pemohon, iaitu, afidavit yang menyokong notis usul tersebut telah membangkitkan lapan belas alasan-alasan supaya writ *habeas corpus* diperintahkan dengan mengarahkan responden-responden tersebut membawa pemohon ke hadapan mahkamah dengan serta merta supaya pemohon dapat dilepaskan.

Melalui dua belas, afidavit-afidavit sebagai bantahan bagi permohonan tersebut dan sebagai jawapan kepada afidavit Yap Kim Mooi, (isteri bagi pemohon), lampiran 4, responden-responden telah memfailkan dua belas afidavit-afidavit bagi prosiding ini. Afidavit-afidavit yang di ikrar bagi responden-responden adalah seperti berikut:

(1) afidavit lampiran 6A yang di ikrar pada 2 Ogos 2000 oleh Encik Jamaludin Bin Arshad, bekas Pegawai Kanan Polis yang pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah D7, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis DiRaja

Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur pada tarikh yang ada kaitan dengan prosiding ini;

(2) afidavit lampiran 6B yang di ikrar pada 3.8.2000 oleh Superintendan Polis Mohd Ariff Bin Hj. Abd. Latif, Pegawai Kanan Polis yang sedang bertugas sebagai Superintendan Perkhidmatan Kawalan, Bahagian Pentadbiran Awam Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur pada tarikh material yang berkaitan dengan prosiding ini;

(3) afidavit lampiran 6C yang di ikrar pada 2 Ogos 2000 oleh Asisten Superintendan Polis Lim Kim Fook, Pegawai Kanan Polis yang bertugas sebagai ASP D7A di Jabatan Siasatan Jenayah D7, Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada tarikh material yang berkaitan dengan prosiding ini;

(4) afidavit lampiran 6D yang di ikrar pada 2 Ogos 2000 oleh Cif Inspektor Hussin Bin Ali Pegawai Kanan Polis yang sedang bertugas di Jabatan KDN/KA, Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur dan pada masa material yang berkaitan dengan prosiding ini bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah D7, Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur;

(5) afidavit lampiran 6E yang di ikrar pada 2 Ogos 2000 oleh Cif Inspektor Abdul Ghoffor Bin Hj. Yunus seorang Pegawai Kanan Polis yang sedang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah D7, Ibupejabat Polis DiRaja Malaysia, Kontinjen Kuala Lumpur pada masa material yang berkaitan dengan prosiding ini;

(6) afidavit lampiran 6F yang di ikrar pada 3 Ogos 2000 oleh Detektif Lans Kopral Tin Kee Siong, seorang Pegawai Polis yang bertugas di Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada masa material yang berkaitan dengan prosiding ini dan juga seorang yang fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina loghat Kantonis;

(7) afidavit lampiran 6G yang di ikrar pada 2 Ogos 2000 oleh Detektif Lans Kopral Liaw Hwai Peng seorang Pegawai Polis yang bertugas di Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada masa material dan tarikh yang berkaitan dengan prosiding ini dan seorang yang fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina loghat Kantonis;

(8) afidavit lampiran 6H yang di ikrar pada 16 Ogos 2000 oleh Detektif Sarjan Abdullah Bin Awang, Pegawai Polis yang bertugas di Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, pada masa material dan pada tarikh yang berkaitan dengan prosiding ini;

(9) afidavit lampiran 7A yang di ikrar pada 12 September 2000 oleh Yang Berhormat Dato' Baseri @ Azmi Bin Khalid, seorang Timbalan Menteri

Dalam Negeri, Malaysia pada setiap masa material dan berkaitan dengan prosiding ini dan pada masa sekarang adalah Menteri Pembangunan Luar Bandar;

(10) afidavit lampiran 7B yang di ikrar pada 28 Ogos 2000 oleh Abd Kadir Bin Rais, Penguasa di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Simpang Renggam Johor pada masa material dan pada tarikh yang berkaitan dengan prosiding ini dan pada masa kini seorang Penguasa Penjara, Ibupejabat Penjara Malaysia, Bukit Wira, Kajang;

(11) afidavit lampiran 7C yang di ikrar pada 30 Ogos 2000 Encik Khalid Bin Ahmad, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur pada masa material dan pada tarikh yang berkaitan dengan prosiding ini;

(12) afidavit lampiran 7D yang di ikrar pada 29 Ogos 2000 Tan Teh Tee, seorang pembantu penerbitan dan juga jurubahasa, Bahasa Mandarin di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Simpang Renggam Johor pada masa material dan pada tarikh yang berkaitan dengan prosiding ini.

Notis usul ini telah di tetapkan pada 14 Julai 2000 untuk perbicaraan. Pada tarikh tersebut, Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas peguam persekutuan yang mewakili responden-responden hadir di mahkamah dan juga menyebut bagi peguam pemohon. Peguam persekutuan bagi responden-responden memohon satu tarikh lain untuk mengemukakan afidavit jawapan dan memberitahu mahkamah bahawa peguam pemohon tidak ada bantahan atas permohonan tersebut untuk penangguhan. Mahkamah telah menangguh kes kepada 14 Ogos 2000 untuk perbicaraan.

Pada 14 Ogos 2000, Encik MM Athimulan, peguam bagi pemohon dan Encik Kamaludin Md Said, peguam kanan persekutuan bagi responden-responden hadir di mahkamah. Peguam kanan persekutuan memberitahu mahkamah bahawa responden-responden baru sahaja menerima permohonan notis usul dan memohon satu tarikh lain bagi mengemukakan afidavit jawapan. Peguam bagi pemohon tidak ada bantahan atas permohonan tersebut. Mahkamah menangguh kes ke 22 September 2000 untuk perbicaraan. (Mahkamah ini tidak memahami dan menghargai bagaimana pada tarikh 14 Julai 2000 peguam persekutuan boleh memohon satu tarikh untuk mengemukakan afidavit jawapan sekiranya responden-responden tidak menerima notis usul lampiran 3 dan afidavit lampiran 4 bagi pemohon manakala pada 14 Ogos 2000, peguam kanan persekutuan memohon satu tarikh lain diatas alasan bahawa responden-responden baru menerima permohonan notis usul dan beliau memohon satu tarikh lain untuk mengemukakan afidavit jawapan. Adalah wajar untuk menyatakan di peringkat ini, bahawa satu perakuan segera bertarikh 8 Jun 2000 lampiran 2 telahpun difailkan pada 9 Jun 2000 oleh peguam pemohon bersama-

sama dengan notis usul. Mahkamah ingin menyatakan sedikit sebentar lagi tentang perakuan segera yang difailkan oleh peguam pemohon bersama-sama dengan notis usul).

Pada 22 September 2000 Encik MM Athimulan bagi pemohon dan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas peguam persekutuan bagi responden-responden hadir di mahkamah. Peguam pemohon memberitahu kepada mahkamah bahawa beliau baru menerima afidavit jawapan daripada responden-responden dan memerlukan masa untuk mengkaji perkara ini dan akan mengemukakan representasi kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri dan memohon satu tarikh bicara yang lain. Peguam persekutuan tidak ada bantahan atas permohonan tersebut. Mahkamah menangguh kes ke 13 Oktober 2000.

Pada 13 Oktober 2000, Encik MM Athimulan bagi pemohon dan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas, peguam persekutuan bagi responden-responden hadir di mahkamah. Peguam pemohon memohon satu penangguhan di atas alasan bahawa beliau telah membuat representasi kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 6 Oktober 2000. Peguam persekutuan menjawab bahawa permohonan dari peguam pemohon baru diterima pada minggu itu dan masih dalam pertimbangan. Mahkamah membenarkan permohonan untuk penangguhan dan menetapkan tarikh perbicaraan pada 3 November 2000.

Pada 3 November 2000 Encik MM Athimulan bagi pemohon dan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas peguam persekutuan bagi responden-responden hadir di mahkamah. Peguam pemohon memberitahu mahkamah representasi yang dibuat kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri telah ditolak dan beliau ingin mengemukakan dua isu baru yang lain kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri dan memohon penangguhan selama tiga minggu untuk membuat representasi tersebut. Peguam persekutuan tidak ada bantahan atas permohonan tersebut. Peguam Persekutuan memberitahu mahkamah bahawa kedua-dua isu yang akan dibangkitkan oleh peguam pemohon belum ditentukan dan diputuskan sebelum ini. Mahkamah membenarkan permohonan untuk penangguhan dan menetapkan 1 Disember 2000 sebagai tarikh perbicaraan.

Melalui surat yang bertarikh 9 November 2000, peguamcara pemohon Tetuan Athimulan & Co., telah memohon penangguhan atas alasan bahawa peguambela bagi pemohon Encik MM Athimulan di kehendaki menghadiri Mahkamah Sesyen Georgetown untuk kes jenayah No: 61(71)-4-98 yang ditetapkan untuk sambung bicara dan hujah-hujah pada 1 Disember 2000 dan kes itu melibatkan tertuduh yang seorang kakitangan kerajaan. Di dalam permohonan tersebut peguam juga mengatakan bahawa peguam persekutuan tidak ada bantahan diatas permohonan untuk penangguhan. Melalui surat yang bertarikh 15 November 2000, mahkamah telah menjawab kepada surat permohonan tersebut untuk penangguhan dan membenarkan permohonan penangguhan yang telah

ditetapkan pada 1 Disember 2000. Kes di tangguh kepada 8 Disember 2000 pada 9 pagi seperti yang dipohon oleh peguam pemohon melalui surat permohonan tersebut.

Oleh sebab pesuruhjaya kehakiman bercuti pada 8 Disember 2000, kes telah ditangguh ke 2 Januari 2001. Kedua-dua pihak peguam bagi pemohon dan peguam persekutuan telah diberitahu terlebih awal tentang tarikh baru melalui surat mahkamah yang bertarikh 30 November 2000. Tarikh perbicaraan baru ditetapkan pada 2 Januari 2001.

Melalui surat fax yang bertarikh 2 Januari 2001, seorang pembantu undang-undang bagi peguam persekutuan, Puan Khairatul Animah Bte Hj. Jelani telah memohon penangguhan diatas alasan bahawa peguam persekutuan, Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas tidak dapat hadir di mahkamah kerana beliau yang berada di Alor Setar pada 1 Januari 2001 sampai lewat di Kuala Lumpur pada 1 pagi kerana kesesakkan lalulintas yang berlaku di Lebuh Raya menuju ke Kuala Lumpur. Oleh demikian, beliau tidak dapat hadir di mahkamah pada pagi itu. Surat fax yang bertarikh 2 Januari 2001, telah diterima oleh mahkamah pada 2 January 2001 pada jam 9.17 pagi. Pada tarikh tersebut, iaitu, 2 Januari 2001, Encik MM Athimulan bagi pemohon hadir di mahkamah dan memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak ada bantahan atas permohonan peguam persekutuan seperti surat yang bertarikh 2 Januari 2001. Mahkamah membenarkan permohonan tersebut dan menetapkan 9 Januari 2001 sebagai tarikh perbicaraan iaitu tarikh yang dicadangkan didalam surat tersebut bagi peguam persekutuan dan tarikh yang sesuai bagi peguam pemohon.

Pada 9 Januari 2001 Encik MM Athimulan peguam bagi pemohon dan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas peguam persekutuan bagi responden-responden hadir di mahkamah. Peguam pemohon memberitahu mahkamah bahawa permohonan representasi kedua yang dibuat bagi pemohon belum dapat keputusannya. Kedua-dua pihak memohon penangguhan kerana menunggu keputusan representasi kedua yang dibuat pada 3 November 2000 dan isu-isu yang sama melibatkan sembilan kes yang lain iaitu, sembilan notis usul yang lain yang telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 9 Januari 2001 tentang permohonan *habeas corpus*. Mahkamah telah membenarkan permohonan untuk penangguhan dan telah menetapkan 13 Februari 2001 sebagai tarikh baru bagi perbicaraan.

Melalui surat yang bertarikh 8 Februari 2001, peguam persekutuan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas memohon penangguhan diatas alasan bahawa pada 13 Februari 2001 peguam persekutuan perlu menghadiri satu perjumpaan dengan Yang Berbahagia Dato' (pada masa itu) Peguam Negara dan Yang Berbahagia Peguamcara Negara. Peguam Persekutuan juga menyatakan dalam surat tersebut bahawa peguam pemohon Encik MM Atimulan tidak ada bantahan atas permohonan tersebut. Seterusnya melalui

surat yang bertarikh 9 Februari 2001 mahkamah telah membenarkan penangguhan tersebut dan menetapkan tarikh perbicaraan baru pada 22 Februari 2001 memandangkan tidak ada tarikh lapang di bekalkan oleh kedua-dua pihak.

Pada 22 Februari 2001 Encik MM Athimulan peguam pemohon dan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas peguam persekutuan bagi responden-responden hadir di mahkamah. Kedua-dua peguam pemohon dan peguam persekutuan bagi responden-responden sedia untuk menjalankan perbicaraan notis usul lampiran 3 bertarikh 16 Jun 2000. Peguam pemohon beritahu kepada mahkamah bahawa keputusan kes ini akan mengikat juga permohonan-permohonan notis usul di dalam kes permohonan Jenayah No: (1) 44-27-2000, (2) 44-43-2000, (3) 44-62-2000, (4) 44-67-2000, (5) 44-71-2000 dan (6) 44-2-2001. Peguam persekutuan bersetuju dan sahkan bahawa keputusan mahkamah bagi kes ini iaitu permohonan jenayah No: 44-25-2000 akan berikat kepada kes-kes tersebut iaitu No: (1) 44-27-2000, (2) 44-43-2000, (3) 44-62-2000, (4) 44-67-2000, (5) 44-71-2000, (6) 44-2-2001 dan (7) 44-7-2001 kerana isu-isu adalah sama kepada kes-kes tersebut.

Pada 22 Februari 2001 kes telah dimulakan pada jam 12.20 pm selepas menyelesaikan kes-kes yang lain yang telah ditetapkan untuk perbicaraan dan sebutan pada tarikh tersebut. Peguambela pemohon, Encik MM Athimulan memohon menghujah dalam Bahasa Inggeris. Peguam persekutuan tidak ada bantahan atas permohonan tersebut. Mahkamah membenarkan peguam pemohon berhujah dalam Bahasa Inggeris. Peguam pemohon berhujah seperti berikut:

Peguam Pemohon - Isu Yang Pertama

(1) rujuk kepada afidavit yang di ikrar pada 16 Ogos 2000 oleh Detektif Sarjan Abdullah Bin Awang lampiran 6H, seorang Pegawai Polis yang mengikrar seperti berikut dan dirujuk kepada perenggan 3, 4, 5 dan 6 yang adalah seperti berikut:

Perenggan 3

Bertindak diatas maklumat yang diterima dan siasatan yang dijalankan terhadap Kam Teck Soon, KPT: 751229-14-5687 (A 3276976) (selepas ini dikenali sebagai pemohon) **saya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alasan-alasan bagi mematutkan pemohon ditahan di bawah s. (4)1 Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969**, (selepas ini disebut sebagai "Ordinan tersebut"). Oleh itu pada 8 Julai 1999 jam lebih kurang 4.30pm diperkarangan Ibupejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, saya bersama sepasukan polis telah menangkap pemohon untuk **tujuan penyiasatan dibawah s. 3 "Ordinan tersebut**". Saya kemudian telah membuat pengaduan polis di atas tangkapan terhadap pemohon seperti T.H.S.L Repot 4399/99 yang mana satu salinan pengaduan ini dilampirkan dan ditanda sebagai eks. "A1" yang disahkan

benar oleh Cif Inspektor Kamalariffin Bin Aman Shah, seorang pegawai polis yang mempunyai didalam jagaannya dokumen tersebut (emphasis by this court).

Perenggan 4

Sebaik sahaja menangkap pemohon, saya telah memberitahu pemohon secara lisan dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Cina loghat Kantonis oleh Detektif Lans Kopral 113770 Tin Kee Seong sebab-sebab pemohon di tangkap seperti berikut (emphasis by this court):

> Bahawa kamu ditangkap di bawah Seksyen 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 kerana ada sebab-sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan bagi mematutkan kamu ditahan di bawah Seksyen 4(1).

Pada masa tangkapan saya telah tidak memberitahu butir-butir maklumat yang diterima dalam siasatan yang dijalankan berhubung kegiatan-kegiatan pemohon yang menyebabkan saya mempercayai bahawa dengan demikian ia **adalah bertentangan dengan kepentingan negara** (emphasis by this court).

Perenggan 5

Pemohon telah kemudian ditahan untuk tujuan penyiasatan di bawah s. 3(1) "Ordinan tersebut" (emphasis by this court).

Perenggan 6

Saya merujuk kepada perenggan 18(a), 18(b), 18(c), 18(d), 18(e), 18(f) dan 18(g) afidavit isteri pemohon dan menafikannya kerana segala tindakan telah dibuat dengan mematuhi segala kehendak "Ordinan tersebut" secara sah disisi undang-undang.

(2) whether art. 5(3) of the Federal Constitution has been complied and must be strictly complied;

(3) in accordance with para. 4 of the affidavit encl. 6H as to what was told to the applicant/detainee was not sufficient and does not comply with art. 5(3) of the Federal Constitution;

(4) this is a detention without trial. Therefore, the detainee has only the right to speak up of his case and defence to the police officers who arrested him. Refers to s. 3(1) and 3(3) of the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969;

(5) had the detainee been informed of the grounds against him for the arrest, he would have had the opportunity to present his case during the 60 days period where the police officer is required to put his complete report before a detention order is made under s. 4 of the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969. The Minister must be

satisfied with the report in accordance with s. 4 of the said Ordinance. The report sent to the Minister will contain one of the grounds;

(6) none of the affidavits filed on behalf of the respondents states whether the detainee has infact been informed of any of the grounds as in s. 4(1) of the said Ordinance. However, peguam pemohon mengakui dimana beliau berkata "I must admit that they were candid";

(7) since the detention is without trial, he must be informed of the grounds and refers to art. 151 of the Federal Constitution on the detention. Rujuk kepada *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638 at 639 and 640;

(8) emergency law is preventive detention and he refers to *Commentary on the Constitution of India* by Dr. (Justice) Durga Dass Basu 7th edn, vol D [1993]. Rujuk kepada art. 22(1) of the Constitution of India and to the scope of art. 22. Rujuk kepada *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638 at 641 and 642. Rujuk kepada art. 5(1) of the Federal Constitution.

Pada 12.50 petang kes telah ditangguh ke 2.30 petang. Pada 1 petang kedua-dua peguam bagi pemohon dan peguam persekutuan bagi responden-responden pesan untuk berjumpa pesuruhjaya kehakiman dalam kamar. Kedua-dua peguam dan peguam persekutuan dibenarkan hadir di dalam kamar pesuruhjaya kehakiman. Di kamar Encik MM Athimulan peguam bagi pemohon dan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas peguam persekutuan bagi responden-responden hadir. Peguam pemohon memohon penangguhan kepada satu tarikh lain supaya empat kes notis usul yang lain tentang *habeas corpus* iaitu permohonan jenayah No: 44-68-2000, 44-69-2000, 44-70-2000 dan 44-02-2001 boleh didengar bersama-sama kerana isu-isu adalah sama dan pada masa itu, peguam persekutuan boleh memfailkan afidavit-afidavit jawapan yang masih belum difailkan bagi kes-kes yang tersebut. Peguam persekutuan tidak ada bantahan atas permohonan. Mahkamah membenarkan permohonan untuk penangguhan dan menetapkan tarikh sambung bicara pada 23 Mac 2001 bagi kes ini No: 44-25-2000 dan permohonan jenayah No: (1) 44-27-2000, (2) 44-43-2000, (3) 44-44-2000, (4) 44-62-2000, (5) 44-67-2000, (6) 44-71-2000 dan (7) 44-68-2000, (8) 44-69-2000, (9) 44-70-2000 dan (10) 44-02-2001.

Pada 23 Mac 2001, peguam pemohon Encik MM Athimulan dan peguam persekutuan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas hadir di mahkamah. Peguam pemohon memohon satu penangguhan untuk merujuk semula kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri lima kes yang lain iaitu 44-27-2000, 44-44 -2000, 44-69-2000, 44-70-2000 dan 44-02-2001 termasuk kes ini iaitu permohonan jenayah No: 44-25-2000 diatas alasan bahawa ada isu yang baru beliau sedar dimana telah diputuskan oleh YA Tan Sri Edgar Joseph Jr sebagai

Hakim Mahkamah Tinggi (pada masa itu) dan ada kemungkinan keputusan perintah tahanan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri boleh diubah.

Oleh itu, peguam pemohon memohon penangguhan sehingga kelima-lima kes dirujuk dan diputuskan oleh YB Menteri Dalam Negeri. Peguam pemohon juga memberitahu mahkamah bahawa lima kes yang lain iaitu No: 44-27-2000, 44-43-2000, 44-62-2000, 44-67-2000 dan 44-71-2000 akan dirujuk kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri dan sekiranya kes-kes ini diteruskan ada kemungkinan keputusan oleh mahkamah akan menjejaskan kedudukan pemohon-pemohon. Dengan itu, peguam pemohon memohon penangguhan sehingga dapat keputusan daripada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri ke atas ke lima-lima kes tersebut. Peguam Persekutuan tidak ada bantahan atas permohonan penangguhan. Mahkamah telah membenarkan permohonan untuk penangguhan tersebut dan menangguhkan ke 12 April 2001 untuk sambung bicara.

Melalui surat yang bertarikh 9 April 2001 peguamcara pemohon, Tetuan Athimulan & Co memohon penangguhan atas alasan peguambela Encik MM Athimulan yang mengendalikan kes ini dikehendaki hadiri Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur lihat Saman No: S1-22-281-1998 yang ditetapkan untuk sambung bicara dan tiga firma guaman terlibat dalam kes itu. Di dalam surat tersebut, peguam pemohon juga memberitahu bahawa peguam kanan persekutuan tiada bantahan atas permohonan untuk penangguhan dan tarikh lapang 4 May 2001 telah dinyatakan dalam surat tersebut. Melalui surat yang bertarikh 10 April 2001 mahkamah telah benarkan permohonan untuk penangguhan dan menetapkan sambung bicara baru pada 4 May 2001.

Pada 4 May 2001 peguam pemohon Encik MM Athimulan dan peguam persekutuan Encik Mohamad Abazafree Bin Mohd Abbas bagi responden-responden hadir di mahkamah. Kedua-dua peguam pemohon dan peguam persekutuan bersedia untuk meneruskan sambung bicara.

Peguam pemohon meneruskan sambung hujah-hujah seperti berikut (10.45am):

(1) rujuk kepada written outline submission oleh peguam pemohon, lampiran 17 dan beliau baca kandungannya. Rujuk kepada s. 3(1) dan 4(1) of the Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969. Rujuk kepada *Morgan Perumal v. K/l Hussein Abdul Majid & Ors* [1998] 3 CLJ 629 pada ms. 633;

> If the Minister is satisfied that with a view to preventing any person from acting in any manner prejudiced to public order it is necessary that that person should be detained, or that it is necessary for the suppression of violence that that person should be detained, the Minister shall make an order (hereinafter referred to as a 'detention order') directing that that person be detained for any period not exceeding two years.

(2) rujuk kepada affidavit Yap Kim Mooi - isteri bagi pemohon (lampiran 4) kepada eks. "YKM1" iaitu, perintah tahanan bertarikh 1 Oktober 1999 yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Peguam berhujah "one of the grounds should have been informed but the applicant was not informed". Rujuk kepada art. 151 of the Federal Constitution - the representation - had the applicant be informed earlier, he could have put forward his case. Rujuk kepada *Aw Ngoh Leang v. Inspector General Of Police & Ors* [1993] 1 CLJ 373. In this case there is breach of the Federal Constitution, art. 151. Rujuk kepada the *Commentary on the Constitution* of India by Dr. (Justice) Durga Dass Basu 7th edn, vol D [1993] and the scope of art. 22 of the Constitution of India;

(3) rujuk kepada *Re Khor Hoi Choy; Khor Hoi Choy v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [1986] 2 MLJ 312. In this case, it is not mere technical defect but it is breach of the constitution;

(4) rujuk kepada kes *Dharamjit Singh Johar Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 1 CLJ 737; [1991] 2 CLJ (Rep) 559 - this case applies to the present case, ie, the 1st ratio;

(5) rujuk kepada art. 149 of the Federal Constitution - since the Ordinance Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 is pursuant to art. 149 of the Federal Constitution, it may be argued there is no breach of art. 5(3) but still there is a breach;

(6) Article 149 of the Federal Constitution allows parliament to make provisions under the law which is inconsistent with art. 5 of the Federal Constitution but such provision must be expressly stated in the Act - taking away the art. 5(3) of the Federal Constitution;

(7) rujuk kepada *Wong Kiew Meow lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan Satu Yang Lain* [1994] 2 CLJ 43 - rightfully dismissed the application.

(8) rujuk kepada *Zakaria Jaafar v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Another Application* [1989] 2 CLJ 1101; [1989] 2 CLJ (Rep) 691 - sufficiently informed;

(9) rujuk kepada *Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1990] 1 CLJ 61; [1990] 1 CLJ (Rep) 731 (s. 6 Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985;

(10) the applicant was not provided the grounds of arrest as required under art. 5(3) of the Federal Constitution. On this ground alone, the applicant should be granted the writ of *habeas corpus*.

Alasan Kedua

(1) rujuk written outline of submission bagi peguam pemohon - lampiran 17 ms. 2;

(2) rujuk afidavit lampiran 7A perenggan 6 yang di ikrar pada 12 September 2000 oleh Yang Berhormat Dato' Baseri @ Azmi Bin Khalid, Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu;

(3) Minister having received the full report of the police issued the order on 1 September 1999 to take effect on 5 September 1999 at Pusat Akhlak Simpang Renggam, Simpang Renggam, Johor. The detention order was served on applicant on 2 September 1999;

(4) when the Minister issued the order on 1 September 1999 the powers of the police comes to an end or when the detention order was served on 2 September 1999 on the applicant, the powers of the police to investigate and detain him comes to an end;

(5) the detention order was served pursuant to s. 4(1) of the 1969 Ordinance;

(6) the applicant's detention at the police station from 2 September 1999 - 4 September 1999, there is no valid order to detain him there. His detention from 2 September 1999 to 4 September 1999 is unlawful. Therefore, his subsequent detention at the Pusat is also unlawful. Rujuk kepada *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638 at 643 and 644. On this ground alone i.e his detention after 2 September 1999, the applicant ought to be issued writ of *habeas corpus*.

Hujah-Hujah Jawapan Oleh Peguam Persekutuan (11.40am)

Isu Pertama

1. Prosedur dibawah Ordinan 1969:

   Pemohon mula-mula ditangkap dibawah s. 3(1) dan ditahan di bawah s. 3(3) Ordinan 1969.

2. Tahanan oleh polis tidak exceed selepas 60 hari - s. 3(3)(a) dan s. 3(3)(c)

3. Menteri sekiranya puashati di bawah s. 4(1) Perintah dikeluarkan di atas s. 4(1) atau tidak buat sebarang perintah iaitu dilepaskan.

4. Ada dua peringkat proses:

(i) Tangkapan oleh polis

Kuasa untuk tangkap - cara specific s. 3(1).

(ii) Tahanan oleh menteri

Rujuk lampiran 14 ikatan authoriti peguam bagi pemohon ms. 91 - baca dims. 92 iaitu s. 3(1) memberi makna polis boleh tangkap - s. 3(1) untuk tujuan siasatan. Rujuk lampiran 14 ikatan authoriti peguam pemohon ms. 115. *Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police* [1998] 1 MLJ 293 – Lihat ms. 117 sebelah kanan (c) - Alasan penahanan polis bukanlah alasan yang sama Menteri buat perintah tahanan.

Alasan tangkapan "has reason to believe" - s. 3(1). - Menteri sebelum keluarkan perintah harap dari laporan polis. - Alasan tangkapan di s. 3(1) bukan mestinya alasan dibawah s. 4(1). - s. 3(1) telah diperuntukkan - sekiranya polis perlu memberi alasan seperti di s. 4(1), ia hanya akan merampas kuasa Menteri.

If at the time of arrest the detainee is told of certain reason, this reason may not apply when detention order is made - it may contradict the reason advanced by the Minister pada masa keluarkan perintah tahanan dibawah Seksyen 4(1).

Mahkamah
Kes ditangguh untuk sambung bicara 3.15 petang.

3.15 petang
Parties as before.

Peguam Persekutuan Bagi Responden-Responden Teruskan Dengan Sambung Hujah-Hujah
Rujuk afidavit lampiran 6H.

1. Rujuk hujah peguam pemohon tentang lampiran 6H. Sebab-sebab membenarkan peluang pemohon untuk dapatkan satu representasi yang adil – pada masa siasatan dijalankan atau semasa perdengaran dibawah art. 151 Federal Constitution.

1A Responden hujah hak pemohon untuk membuat representasi adalah terhadap perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri sepertimana yang diperuntukkan dibawah s. 5 Ordinan 1969 selepas dengar art. 151 Federal Constitution. Hak tersebut bukan sama sekali hak untuk representasi kepada polis yang membuat siasatan.

2. Polis bertanggungjawab dibawah ordinan 1969 untuk buat siasatan penuh terhadap aktiviti pemohon dan laporan penuh siasatan akan dikemukakan kepada Menteri dimana sekiranya puashati akan menentukan samada alasan untuk penahanan.

2A Untuk menerima tafsiran pemohon pada peringkat ini perlu dimaklumkan kepada pemohon alasan seperti di lampiran 6H ada over burdening.

3. The prosedur tidak diperuntukkan dibawah Ordinan 1969 itu.

4. Responden berhujah bahawa beliau setuju perlu art. 5(3) Federal Constitution tidak boleh dikecualikan dalam proses tahanan terhadap pemohon.

5. Dalam tafsirkan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada art. 149. Seksyen 3(1) adalah satu peruntukkan berkenaan tentang tangkapan dan alasan tangkapan adalah memadai.

6. Artikel 5(3) Federal Constitution tafsiran biasa - art. 5(3) Federal Constitution untuk tangkapan biasa - dimana "grounds has been stated specifically" tidak harus terpakai untuk tangkapan - kes *Yeap Hock Seng v. Minister Of Home Affairs* [1975] 2 MLJ 279 baca dibawah held 6.

6A. Alasan-alasan dibawah afidavit lampiran 6H adalah memadai untuk peruntukkan dibawah s. 3(1).

6B. Bezaan kes *Yit Hon Kit v. Minister of Home Affairs* [1998] 2 MLJ 238 Fakta adalah jauh beza daripada kes ini. Pemohon ditangkap di dalam kes ini di bawah Criminal Procedure Code kemudian diserah kepada seorang pegawai polis untuk ditangkap dibawah ordinan 1969.

7. Pemohon di dalam kes *Yit Hon Kit* tidak langsung dimaklum berkenaan tangkapan kedua-dua. Rujuk kes *Yit Hon Kit* dims. 97A disebelah kiri, lampiran 14. Didalam kes di mahkamah ini, lampiran 6H serta exh. "A1" menunjukkan sebab-sebab tangkapan telah dimaklumkan kepada pemohon.

8. Ketiga-tiga kes *Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1990] 1 CLJ 61, *Zakaria Jaafar v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Another Application* [1989] 2 CLJ 1101 dan *Wong Kiew Meow lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia Dan Satu Yang Lain* [1994] 2 CLJ 43 adalah tangkapan dibawah akta Dadah Merbahaya (Special Preventive Measures) Act 1985 dan hanya ada satu alasan atau tujuan akta 1985 dan ini adalah tentang pengedaran dadah sedangkan dibawah ordinan 1969, kes *Morgan Perumal v. K/Insp Hussein Abd Majid dan 5 Orang Lain* [1998] 3 CLJ 629 terdapat dua limb - Oleh yang demikian, responden hujah afidavit lampiran 6H memadai untuk buktikan keperluan art. 5(3) Federal Constitution telah dipatuhi. Isu ini tidak ada merit.

Isu Kedua

1. Seksyen 3(3) Ordinan 1969 rujuk ms. 92 lampiran 14 "may be detained - no complain" tentang prosedur s. 3(3) Ordinan 1969 - polis mempunyai kuasa untuk menahan pemohon selama 60 hari.

1A. Seksyen 4(1) Ordinan 1969 - kuasa Menteri not exceeding two years tidak menyatakan tempoh mula tahanan. Ini tertakluk pada keputusan menteri bila mulanya tarikh tahanan. Interpretasi - Rujuk *Tan Hoon Seng & Anor v. Minister Home of Affairs* [1990] 1 CLJ 423 - Akta Dadah Merbahaya (Special Preventive Measures) 1985 - detained for two years from date of such order sebelum dipinda - Rujuk ms. 2(5). Menteri boleh menentukan tarikh dimulakan dibawah Ordinan 1969. Pihak polis telah selesaikan siasatan s. 3(3).

2. Pada masa perintah dikeluarkan oleh menteri, tahanan pemohon adalah masih dalam 60 hari. Tangkapan pemohon adalah 8 Julai 1999 - 60 hari akan tamat pada 7 September 1999. Menteri buat perintah pada 1 September 1999 untuk kuatkuasa tahanan pada 5 September 1999.

2A. Tarikh mula tahanan pada 5 September 1999 adalah masih dalam 60 hari dan tidak ada sebarang tempoh masa dimana pemohon ditahan tanpa sebarang kuasa.

3. Tempoh 60 hari tahanan dibawah s. 3(3) Ordinan 1969 tidak boleh ditafsirkan sebagai tamat hanya semata-mata, pihak polis telah tamatkan siasatan polis.

Rujuk kes *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638 adalah keputusan sebelum *Tan Hoon Seng & Anor v. Minister Home Of Affairs* [1990] 1 CLJ 423 s. 6(1) Akta 1985 telah di pinda melalui s. 6A Akta tersebut.

Oleh itu, responden hujah isu-isu pemohon tidak ada merit untuk membenarkan *habeas corpus* dan memohon permohonan ditolak.

Jawapan Peguam Pemohon (4pm)

(1) rujuk kepada *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638 at 639 - alleged grounds;

(2) rujuk kepada art. 149 Federal Constitution;

(3) rujuk kepada Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) 1985 - points to s. 1, art. 149 of the Federal Constitution;

(4) Ordinance 1969 points to art. 150(2) of the Federal Constitution;

(5) Article 149 - there must be express provisions in s. 3 that it takes away the provision of art. 149;

(6) Article 5(3) Federal Constitution - there must be such amendment to the 1969 Ordinance because the preamble of the Ordinance 1969 shows the order is promulgated under art. 150(2) of the Federal Constitution by the Yang Dipertuan Agung and not art. 149;

(7) Grounds of article – rujuk kepada *Theresa Lim Chin Chin & Ors v. Inspector General Of Police* [1988] 1 MLJ 293 at 295;

(8) Under s. 3(1) of the 1969 Ordinance - police can only arrest and detain only for the purpose by reason in s. 4 of the 1969 Ordinance;

(9) Article 5(3) stands by itself notwithstanding s. 3(1) of the 1969 Ordinance - cannot whittle down by any express provision in any Act - "has reason to believe" is not ground of arrest as envisaged by the Federal Constitution art. 5(3). Rujuk kepada *Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 2 CLJ 1199;

(10) rujuk kepada *Tan Hoon Seng & Anor v. Minister For Home Affairs & Anor* [1990] 1 CLJ 423; [1990] 1 CLJ (Rep) 271 concede that Minister could issue the detention order to start effect on any other date and not necessarily the date of issue of the order;

(11) rujuk s. 3(3) 1969 Ordinance - once the order of detention is made, the power of the police comes to an end;

(12) liberty of subject - any ambiguity should be in favour of subject. Rujuk *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245 - when does the power of police come to an end - Section 3(1) 1969 Ordinance - comes to an end when the order for detention is issued by the minister;

(13) From the time the order was served on 2 September 1999 - 5 September 1999 - whose authority is applicant detained from 2 September 1999 - 5 September 1999 (four days);

(14) Pray for writ of *habeas corpus* to be issued.

Peguam Persekutuan

(1) the decision by this court on the 1st issue ie, art. 5(3) of the Federal Constitution in permohonan jenayah 44-25-2000 will bind permohonan jenayah No: (1) 44-27-2000, (2) 44-43-2000, (3) 44-62-2000, (4) 44-67-2000, (5) 44-71-2000, (6) 44-2-2001 dan (7) 44-7-2001;

(2) as to the 2nd issue, the decision by this court is only for this permohonan jenayah No: 44-25-2000;

Selepas mendengar hujah-hujah kedua-dua peguam pemohon dan peguam persekutuan, mahkamah telah menangguh ke 13 Julai 2001 untuk keputusan.

Melalui surat yang bertarikh 23 Jun 2001, yang dialamatkan kepada peguam pemohon dan peguam persekutuan, mahkamah telah menangguh keputusan kepada 1 Ogos 2001 kerana ada kes-kes permohonan jenayah *habeas corpus* yang lain dimana telah ditetapkan untuk perbicaraan.

Melalui surat yang bertarikh 6 Jun 2001, peguam persekutuan telah menghantar kepada mahkamah dua keputusan Mahkamah Tinggi yang pada masa itu belum dilapurkan dengan salinan kepada peguamcara pemohon Tetuan MM Athimulan & Co tentang permohonan jenayah No: 44-15-2001 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur oleh YA Datuk Augustine Paul Hakim Mahkamah Tinggi, lihat *Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Inspector General Of Police* [2001] 3 CLJ 198 dan Criminal application No: 44-9-2001 dan 44-10-2001 Mahkamah Tinggi Shah Alam oleh YA Dato' Mohd Hishamudin Bin Mohd Yunus lihat *Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara And Gobalakrishnan Nagappan Ketua Polis Negera* [2001] 2 CLJ 709 untuk pertimbangan semasa memutuskan permohonan-permohonan jenayah di hadapan mahkamah ini. Kedua-dua kes itu adalah tentang tahanan di bawah s. 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Melalui surat yang bertarikh 28 Julai 2001 peguam pemohon Tetuan Athimulan & Co telah merujuk kepada kes *Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Inspector General Of Police* yang dilapurkan di [2001] 3 CLJ 198 yang telah dirujuk oleh peguam persekutuan terlebih dahulu melalui surat yang bertarikh 6 Jun 2001. Surat bertarikh 28 Julai 2001 tersebut dari peguamcara pemohon telah diterima oleh mahkamah ini pada 30 Julai 2001 iaitu dua hari sebelum tarikh keputusan. Peguam pemohon telah memberi sedikit penjelasan dan bezakan kes *Mohamad Ezam Mohd Nor* dengan kes di hadapan mahkamah ini dan berhujah bahawa art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan bukanlah satu isu di dalam kes *Mohamad Ezam Mohd Nor* kerana beliau telah diberitahu alasan-alasan tangkapan.

Sebelum mahkamah ini memberi alasan-alasan penghakiman untuk kes ini, mahkamah ingin merujuk dan ingatkan ke *Andrew Thamboosamy v. Superintendent Of Pudu Prisons, Kuala Lumpur* [1976] 2 MLJ 156 dimana Suffian LP berkata:

> … there are only two matters for the court to consider. First is the question whether a person is illegally or improperly detained. If he is, then the court should set him at liberty; but if he is not, then the court has no power to set him at liberty ...

Seperti itu juga, s. 365(a)(ii) Kanun Acara Jenayah dengan jelas menyatakan bahawa:

> The High Court may whenever it thinks fit direct … that any person who is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia, be set at liberty.

Juga, mahkamah ini ingin merujuk kepada *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 2 MLJ 129 di ms 152 dimana Suffian FJ (pada masa itu) berkata:

> ... the onus of proving the legality of the detention is on the Minister in the first instance. This he can discharge simply by producing the order of detention which, if its authenticity and good faith are not impugned, is a sufficient answer.

Keputusan Mahkamah
(Tentang Isu Pertama)

Isu yang timbul disini, adalah, samada apa yang diberitahu oleh Detektif Sarjan Abdullah Bin Awang seperti yang dinyatakan di perenggan 3, 4 dan 5 termasuk eks. "A1" yang dilampirkan di lampiran 6H kepada pemohon mencukupi mengikut s. 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dibaca bersama dengan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Untuk mahkamah membuat keputusan samada tangkapan dan tahanan seterusnya oleh polis sah atau tidak, mahkamah ini harus merujuk kepada s. 3 dan baca bersama-sama dengan s. 4(1) Ordinan 1969, art. 5(1), 5(3), art. 149 dan art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan bersama-sama dengan otoriti-otoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua peguam.

Peguam pemohon merujuk kepada ikatan otoriti-otoriti lampiran 14 dan lampiran 14A dan kes-kes berikut:

(1) *Christie v. Leachinsky* [1947] AC 573 at 592

(2) *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638;

(3) *Morgan Perumal v. K/Insp Hussein Abd Majid dan 5 Orang Lain* [1998] 3 CLJ 629;

(4) *Aw Ngoh Leang v. Inspector General Of Police & Ors* [1993] 1 CLJ 373;

(5) *Re Khor Hoi Choy Khor Hoi Choy v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [1986] 2 MLJ 312;

(6) *Dharamjit Singh Johar Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 1 CLJ 737; [1991] 2 CLJ (Rep) 559;

(7) *Wong Kiew Meow lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan Satu Yang Lain* [1994] 2 CLJ 43;

(8) *Zakaria Jaafar v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Another Application* [1989] 2 CLJ 1101; [1989] 2 CLJ (Rep) 691;

(9) *Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1990] 1 CLJ 61; [1990] 1 CLJ (Rep) 731;

(10) *Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police* [1988] 1 MLJ 293;

(11) *Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 CLJ (Rep) 649;

(12) *Tan Hoon Seng & Anor v. Minister Home of Affairs* [1990] 1 CLJ 423; [1990] 1 CLJ (Rep) 271;

(13) *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245.

Peguam Persekutuan merujuk kepada kes-kes seperti berikut dan juga bezakan kes-kes seperti yang dirujuk oleh peguam pemohon:-

(1) *Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police* [1988] 1 MLJ 293;

(2) *Yeap Hock Seng & Ah Seng v. Minister Of Home Affairs* [1975] 2 MLJ 279;

(3) *Chong Kim Loy v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1990] 1 CLJ 61; [1990] 1 CLJ (Rep) 731;

(4) *Zakaria Jaafar v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors And Another Application* [1989] 2 CLJ 1101; [1989] 2 CLJ (Rep) 691;

(5) *Wong Kiew Meow lwn. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan Satu Yang Lain* [1994] 2 CLJ 43;

(6) *Morgan Perumal v. K/Insp Hussein Abd Majid dan 5 Orang Lain* [1998] 3 CLJ 629;

(7) *Tan Hoon Seng & Anor v. Minister Home of Affairs* [1990] 1 CLJ 423; [1990] 1 CLJ (Rep) 271;

(8) *Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Inspector General Of Police* [2001] 3 CLJ 198

(9) *Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara And Gobalakrishnan Nagappan v. Ketua Polis Negara* [2001] 2 CLJ 709

Article 5(1), 5(3), art. 149 dan art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan dibaca seperti berikut:

Article 5(1)

No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law.

Article 5(3)

Where a person is arrested he shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest and shall be allowed to consult and be defended by a legal practitioner of his choice.

Article 149

(1) If an Act of Parliament recites that action has been taken or threatened by any substantial body of persons, whether inside or outside the Federation:

(a) to cause, or to cause a substantial number of citizens to fear, organised violence against persons or property; or

(b) to excite disaffection against the Yang Di-Pertuan Agong or any Government in the Federation; or

(c) to promote feelings of ill-will and hostility between different races or other classes of the population likely to cause violence; or

(d) to procure the alteration, otherwise than by lawful means, of anything by law established; or

(e) Which is prejudicial to the maintenance or the functioning of any supply or service to the public or any class of the public in the Federation or any part thereof; or

(f) Which is prejudicial to public order in, or the security of, the Federation or any part thereof,

any provision of that law designed to stop or prevent that action is valid notwithstanding that it is inconsistent with any of the provisions of Article 5, 9, 10 or 13, or would apart from this Article be outside the legislative power of Parliament; and Article 79 shall not apply to a Bill for such an Act or any amendment to such a Bill.

(2) A law containing such a recital as is mentioned in Clause (1) shall, if not sooner repealed, cease to have effect if resolutions are passed by both Houses of Parliament annulling such law, but without prejudice to anything previously done by virtue thereof or to the power of Parliament to make a new law under this Article.

Article 151(3)

This Article does not require any authority to disclose facts whose disclosure would in its opinion be against the national interest.

Dalam *Christie v. Leachinsky* [1947] AC 573 at 592, the House of Lords mendapati bahawa tangkapan dan seterusnya tahanan adalah tidak sah sebab pada masa Christie ditangkap, beliau tidak diberitahu sebenarnya sebab-sebab tangkapannya dan sebaliknya diberitahu sebab-sebab yang lain. Oleh itu, kes itu harus dibezakan daripada fakta-fakta dan isu-isu yang dibangkitkan didalam permohonan jenayah di hadapan mahkamah ini.

Di dalam kes *Yit Hon Kit v. Minister Of Home Affairs Malaysia & Anor* [1988] 2 MLJ 638, YA Edger Joseph Jr J (pada masa itu) membenarkan *habeas corpus* dan melepaskan pemohon di atas banyak alasan yang lain dan bukan sahaja di atas alasan tidak mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, dengan segala hormatnya tidak ada penjelasan yang lengkap dalam kes itu samada pemohon dapat dilepaskan hanya diatas satu alasan tersebut sahaja, iaitu, tidak patuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan atau diatas alasan-alasan yang lain iaitu seperti di bincang dan diputuskan. Juga, adalah penting untuk membezakan fakta-fakta kes dalam *Yit Hon Kit* kerana pemohon di kes itu langsung tidak diberitahu sebab-sebab tangkapan dan ini diakui oleh PC Hosni bahawa beliau tidak ada sebarang arahan selain daripada membawa keluar pemohon daripada lokap, tangkap dan buat lapuran polis. PC Hosni juga pastikan "Yes, that was why I did not tell applicant of reasons for arrest". Selanjutnya kandungan lapuran polis eks. "HBT1" lampiran 9 oleh PC Hosni didalam kes itu adalah berbeza daripada kandungan lapuran oleh Sarjan Abdullah Bin Awang eks. "A1" di lampiran 6H dan juga kandungan di perenggan 4 lampiran 6H didalam kes di hadapan mahkamah ini. Melalui eks. "A1", lampiran 6H Sarjan Abdullah Bin Awang diantara perkara yang lain dengan jelas menyatakan bahawa "semasa tangkapan dibuat, saya juga menerangkan kepadanya sebab-sebab dan alasan ianya ditangkap dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke Bahasa Kantonis oleh D/L Kpl 113770". Mahkamah ini berpendapat bahawa perkara ini telah disokong oleh afidavit D/L Kpl Tin Kee Seong melalui afidavit lampiran 6F. Juga, kedua-dua afidavit lampiran 6H dan afidavit lampiran 6F langsung tidak dicabar oleh pemohon melalui satu afidavit jawapan. Ini bermakna apa yang dikatakan oleh Sarjan Abdullah Bin Awang melalui eks. "A1" di lampiran 6H dan afidavit D/L Kpl Tin Kee Seong melalui Lampiran 6F harus diterima. Juga tidak ada sebarang permohonan dibuat untuk memeriksa balas kedua-dua pembuat afidavit tersebut untuk menyangkal sebaliknya, iaitu, sekiranya apa yang diberitahu kepada pemohon tidak mencukupi disisi undang-undang atau tidak patuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Dengan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa aduan bahawa art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak dipatuhi adalah tidak berasas dan tidak boleh diterima. Diatas alasan-alasan tersebut, mahkamah ini dengan segala segala hormatnya tidak dapat mengikuti keputusan Mahkamah Tinggi dalam *Yit Hon Kit* kerana keadaan, fakta-fakta dan alasan-alasan keputusan keseluruhan kes

itu adalah berlainan daripada fakta-fakta permohonan jenayah dihadapan mahkamah ini.

Mahkamah ini mendapati bahawa apa yang diberitahu oleh Sarjan Abdullah Bin Awang seperti yang dinyatakan dalam lampiran 6H telah mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan beliau tidak perlu memberi butir-butir seperti yang terkandung di dalam perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 bagi tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri seperti dihujah oleh peguam pemohon. Sekiranya art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan perlu bahawa pemohon harus diberitahu butir-butir seperti yang terkandung di perintah tahanan s. 4(1) Ordinan 1969, mahkamah ini berpendapat bahawa tidak perlu beliau ditahan tidak melebihi 60 hari di bawah jagaan polis untuk siasatan. Tahanan tidak melebihi 60 hari di bawah s. 3(3) Ordinan 1969 tersebut adalah untuk siasatan selepas pegawai polis mendapati bahawa ada sebab mempercayai bahawa ada sebab-sebab bagi mematutkan orang itu ditahan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969. Dalam kes *Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police* [1988] 1 MLJ 293 at 295 and 296 Salleh Abas LP berkata:

> Looking at the provision relating to preventive detention, we cannot see how the police power of arrest and detention under section 73 could be separated from the ministerial power to issue an order of detention under section 8. We are of the opinion that there is only one preventive detention and that is based on the order to be made by the Minister under section 8. However, the Minister will not be in a position to make that order, unless information and evidence are brought before him, and, for this purpose, the police is entrusted by the Act to carry out the necessary investigation and, pending inquiries, to arrest and detain a person, in respect of whom the police has reason to believe that there exists grounds which would justify the detention of such person under section 8. There can be no running away from the fact that the police power under section 73 is a step towards the ministerial power of issuing an order of detention under section 8, which the Attorney-General referred to as the initial stage in the process leading to preventive detention. In fact during the course of the argument, Encik Cyrus Das conceded this. That being the case, the conditions or the restrictions laid down in Article 151 clause (1), in our view, would come into play only after the Minister's order of preventive detention has been executed. At the initial stage, Article 151 clause (1) has no application. After the order has been issued, the grounds of preventive detention together with allegations of fact must be given to a detainee and opportunity of making representations against the order must also be given. The representation will not be heard by a court of law, but by a specially constituted body known as the Advisory Board, consisting of a Chairman, who is a person qualified to be a judge of the High Court or Supreme Court, and two other members, appointed by the Yang Di-Pertuan Agong. It is clear from these provisions of the Constitution, and of the ISA, that the intention of the framers of the Constitution is that judges in the matter of preventive detention relating to the security of the Federation are the executive. This is further

supported by clause (3) of Article 151, which says that the Article does not impose on obligation on "any authority" - a term much wider that "the authority on whose order any person is detained" - to disclose facts, whose disclosure would in its opinion be against the national interest. The authority here, in our view, includes those with powers dealing with preventive detention, not only the Minister and his staff but also the Board of Review and its staff and also the police who are involved in arresting and detaining a person pending the enquiry under section 73 of the Act. "Pending enquiries" under section 73 has not been given any statutory definition, but, it must, in our view, relate to police investigation with a view to reporting results of the enquiry to the Minister. This is clear from subsection (3) proviso (c) of section 73, where the Inspector-General of Police is required to report the circumstances of the arrest and detention to the Minister.

To show further that evidence or information relating to arrests and detentions, either at the initial stage, or in pursuant to a ministerial order, is excluded from public disclosure is section 16, which says that the Minister, or any member of an Advisory Board, or any public servant shall not be required to disclose facts or to produce documents which he considers to be against the national interest to disclose. Encik Sri Ram contended that this section is only confined to the provision of "this chapter", and since the chapter under which section 16 is enacted is preventive detention pursuant to a ministerial order under section 8, it therefore cannot apply to the arrest at the initial stage pursuant to police power under section 73. This argument could only be right if we accept that there are two preventive detentions. We do not accept that argument. We regard that arrest and detention by the police and detention pursuant to a ministerial order or further detention after the matter has been considered by the Advisory Board as one continuous process beginning with the initial arrest and detention under section 73. We accept that the initial arrest and detention may or may not result in the issuing of the ministerial order of detention under section 8, but nevertheless, it is within one scheme of the preventive detention legislation.

Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa pemohon harus diberi butir-butir dan alasan-alasan diperingkat tangkapan oleh polis seperti yang dikehendaki di peringkat perintah tahanan dan seperti terkandung di dalam perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 adalah tidak mungkin dan tidak boleh diterima. Dengan itu, bahawa responden-responden tidak mematuhi kehendak di bawah Article 5(3) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berasas. (Prinsip dalam kes *Theresa Lim Chin Chin* seperti yang dinyatakan oleh Salleh Abas LP, walaupun adalah tentang kes di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, mahkamah ini berpendapat prinsip itu masih boleh dipakai untuk permohonan jenayah di hadapan mahkamah ini di bawah Ordinan 1969).

Seterusnya, mahkamah ini mendapati bahawa seperti yang dihujah oleh peguam persekutuan yang bijaksana ss. 3(1) dan 4(1) Ordinan 1969 ada fungsi yang berlainan dan memberi tujuan yang berlainan. Seksyen 3(1) Ordinan 1969 adalah untuk menjalankan siasatan selepas tangkapan dibuat manakala tahanan

di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 adalah dengan tujuan hendak mencegah mana-mana orang daripada melakukan perbuatan dengan apa-apa cara memudaratkan ketenteramaan awam atau untuk menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah yang melibatkan kekerasan. Adalah perlu untuk mahkamah membezakan perkataan yang digunakan di dalam ss. 3(1) dan 4(1) Ordinan 1969 dimana perbezaan adalah, seorang boleh ditahan sementara menanti siasatan dimana ada sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan bagi mematutkan orang itu ditahan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 manakala perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 akan wujud selepas pegawai polis yang berpangkat, timbalan penguasa atau lebih tinggi telah melapurkan hal keadaan tangkapan dan tahanan kepada Ketua Polis Negara atau kepada pegawai polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu, yang hendaklah segera melapurkan kepada Menteri. Lepas itu, jika Menteri berpuashati diatas mana-mana alasan yang terkandung di bawah s. 4(1) Ordinan 1969, Menteri hendaklah membuat sesuatu perintah tahanan yang tidak lebih daripada dua tahun.

Dengan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa peruntukkan dibawah s. 3(1) dibaca bersama-sama dengan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak hendak mematuhi lebih daripada apa yang telah dilakukan oleh Sarjan Abdullah Bin Awang mengikut lampiran 6H dan eks. "A1" dan beliau tidak perlu pada masa itu mematuhi kehendak-kehendak seperti yang dikandungi di atas perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969. Perkara yang penting dan harus diingatkan seperti yang dinyatakan terlebih dahulu adalah di bawah s. 3(1) dan 3(1)(c) Ordinan 1969 polis hendak menangkap dan menahan seseorang menunggu siasatan manakala mengikut s. 4(1) Ordinan 1969 perintah tahanan hanya dikeluarkan selepas siasatan polis selesai dalam tempoh 60 hari, lapuran siasatan dikemukakan kepada Menteri dan Menteri perlu berpuashati berdasarkan kepada lapuran yang beliau terima dan barulah perintah tahanan dikeluarkan (Prinsip dalam kes *Theresa Lim Chin Chin* seperti yang dinyatakan oleh Salleh Abas LP ada berkaitan walaupun kes di hadapan mahkamah ini melibatkan Ordinan 1969).

Oleh itu, mahkamah ini dengan segala hormatnya berpendapat bahawa cadangan atau hujahan peguambela yang bijaksana bagi pemohon tentang isu yang pertama tidak dapat ditimbang dan terima bahawa s. 3(1) Ordinan 1969 dibaca bersama-sama dengan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan seolah-olah atau kononnya perlu alasan-alasan atau butir-butir seperti yang terkandung dalam perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 harus diberitahu kepada pemohon pada masa tangkapan. Juga, mahkamah ini tidak bersetuju bahawa apa yang diberitahu kepada pemohon oleh Sarjan Abdullah Bin Awang adalah tidak mencukupi dan tidak mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun mahkamah ini berpendapat bahawa art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan dipakai dan digunakan untuk tangkapan secara am

dan tahanan di bawah Criminal Procedure Code dan untuk s. 3(1) Ordinan 1969. Kes *Assa Singh v. Menteri Besar Johor* [1969] 2 MLJ 30, keputusan Mahkamah Persekutuan ada kaitan.

Walau bagaimanapun dan seterusnya sekiranya pemohon perlu dan harus diberitahu seperti dihujah oleh peguam pemohon sebab-sebabnya tangkapan dan tahanan oleh polis dengan butir-butir fakta, mahkamah ini mendapati bahawa ianya telah mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan apabila perintah tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 dikeluarkan oleh Menteri dan diserahkan kepada pemohon sebelum 60 hari luput. Mahkamah ini berpendapat bahawa phrase 'as soon as may be' yang dikatakan di art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan harus di baca dengan fungsi di bawah s. 3(1) dan fungsi di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 dan tidak boleh dibaca secara berasingan atau 'in isolation'. Mahkamah ini berpendapat bahawa peruntukkan di bawah art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan sama sekali tidak boleh dibaca atau diberi perhatian secara persendirian atau 'in isolation' tetapi harus dibaca bersama-sama dengan peruntukkan-peruntukkan yang berkaitan di bawah Ordinan 1969.

Mahkamah ini berpendapat bahawa perkataan 'as soon as may be' di art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan untuk s. 3(1) Ordinan 1969, samada masa itu akan mengambil masa yang panjang atau pendek adalah tertakluk kepada alasan-alasan yang akan disediakan untuk s. 4(1) Ordinan 1969. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa perkataan di art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak menggunakan 'as soon as possible' tetapi 'as soon as may be'. Apakah tempoh yang munasabah tertakluk kepada satu kes individu dan tempoh yang arbitrary tidak boleh di tetapkan atau dihadkan seperti dinyatakan terlebih dahulu.

Seterusnya dan oleh kerana art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan harus juga dipakai kepada tangkapan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di Assa Singh, mahkamah ini berpendapat bahawa perkataan 'as soon as may be', atau seberapa cepat yang boleh harus dibincang, samada ini ada bermakna bahawa seorang yang ditangkap oleh polis dan ditahan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 harus di beritahu sebab-sebab dengan serta merta dan segera dan sebaik sahaja ditangkap dan pada masa tangkapan atau seberapa cepat yang boleh. Mahkamah ini berpendapat bahawa seorang yang ditangkap dan ditahan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 tidak harus diberitahu sebab-sebab dengan serta merta atau dengan segera dan sebaik sahaja tangkapan dibuat atau pada masa tangkapan tetapi boleh diberitahu sebab-sebabnya seberapa cepat yang boleh. Didalam Supreme Court on Words and Phrases by Surendra Malik memberi makna kepada phrase 'as soon as may be' sebagai … 'as early as practical without avoidable delay'. Juga, ia memberi makna bahawa ia membenarkan pihak yang berkuasa masa yang munasabah untuk menyediakan sebab-sebab. "What was reasonable must depend on the fact of each case and no arbitrary time limit could be set down". See *Abdul Jabar Butt v. State Of J & K Air* [1957] SC 281. Juga, dalam *Aminah v.*

Superintendent Of Prison, Pengkalan Chepa, Kelantan [1968] 1 MLJ 92, perkataan 'as soon as may be' telah diberi makna "as nearly as is reasonable in the circumstances of the particular case".

Sebaliknya dan sekiranya butir-butir fakta yang terkandung dalam perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 harus diberitahu kepada pemohon seberapa cepat yang boleh selepas tangkapan, mahkamah ini berpendapat bahawa apabila pemohon diserahkan dengan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 dimana perintah tahanan itu mengandungi alasan-alasan dan butir-butir tahanan, ia telah mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan yang hendak sebab-sebab diberitahu kepada seorang tahanan 'as soon as may be' or seberapa cepat yang boleh. Ini adalah sekiranya apa yang diberitahu oleh Sarjan Abdullah Bin Awang tidak mencukupi untuk patuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan sekiranya pemohon harus diberitahu sebab-sebabnya pada masa tangkapan seperti yang dihujah peguam pemohon. Lihat kes *Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police* [1988] 1 MLJ 293 dimana Mahkamah Persekutuan melalui Salleh Abas LP memutuskan bahawa tangkapan mula dan tahanan kemudian adalah satu proses berterusan dan tidak boleh diasingkan.

Mahkamah ini berpendapat bahawa perkataan "as soon as may be' di art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan harus diberi interpretasi yang luas atau 'Broad interpretation' dan tidak boleh diberi interpretasi yang sempit.

Di dalam kes *Dato' Menteri Othman Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus* [1981] 1 MLJ 29 at 33, Raja Azlan Shah acting Lord President sekarang H.R.H. The Sultan of Perak berkata:

> In interpreting a constitution two points must be borne in mind. First, judicial precedent plays a lesser part than is normal in matters of ordinary statutory interpretation. Secondly, a constitution, being a living piece of legislation. Its provisions must be construed broadly and not in a pedantic was – "with less rigidity and more generosity than other Acts ..." .

Di dalam kes *Merdeka University Bhd v. Government Of Malaysia* [1981] 1 CLJ 175; [1981] 1 CLJ (Rep) 191 YA Abdoolcadeer J (pada masa itu) berkata:

> The Privy Council held in *Minister of Home Affairs v. Fisher* [1980] AC 319, 329 that a Constitution should be construed with less rigidity and more generosity than other statutes (also *Attorney General of St Christopher, Nevis and Anguilla v. Reynolds* [1980] AC 637, 655) …. Barwick CJ, said in the High Court of Australia in *Attorney General of the Commonwealth ex relatione McKinley v. The Commonwealth of Australia* [1975] 35 CLR 1, 17: 'The only true guide and only course which can produce stability in constitutional law is to read the language of the Constitution itself, no doubt generously and not pedantically, but as a whole and to find its meaning by legal reasoning'.

Di dalam kes *Repco Holdings Bhd v. PP* [1997] 4 CLJ 740 at 750, YA Gopal Sri Ram J yang bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi berkata:

> Our Federal Constitution is a living document written for all time. Its language compresses within it ideas that are manifold and concepts that are multifaceted. The task of the judicial interpreter of such a document is not to place it in a coffin and nail the lid but to breathe life into it and to give effect to the full breadth of its great language. That is the spirit in which our courts have approached our Constitution on previous occasions.

Di dalam kes *PP v. Datuk Harun Hj Idris & Ors* [1976] 2 MLJ 116 at 120 YA Abdoolcadeer J (pada masa itu) berkata:

> The Constitution is not to be construed in any narrow and pedantic sense (*James v. Commonwealth of Australia* at p. 614 per Lord Wright) but it is equally true that this does not mean that the court is at liberty to stretch or pervert the language of the Constitution in the interests of any legal or constitutional theory of omnipotence of the Attorney-General in matters relating to criminal procedure and the jurisdiction of the courts.

Kes *Re Khor Hoi Choy Khor Hoi Choy v. Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [1986] 2 MLJ 312 yang diputuskan oleh Mohamed Dzaiddin J (pada masa itu) dan sekarang YAA Ketua Hakim Negara Malaysia dan dirujuk oleh peguam pemohon harus dibezakan. Dalam kes itu, isu yang timbul diantara perkara-perkara yang lain yang tidak ada kaitan dengan permohonan jenayah di hadapan mahkamah ini, adalah, samada lembaga penasihat boleh mengkaji semula perintah tahanan yang dikeluarkan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 langsung tidak ada kaitan dengan isu-isu yang dibangkit bagi pemohon didalam permohonan jenayah di hadapan mahkamah ini.

Kes *Dharamjit Singh Johar Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 1 CLJ 737 yang dirujuk oleh peguam pemohon harus dibezakan. Di kes itu perbincangan yang berlaku adalah tentang tidak memberitahu tangkapan sebab-sebab tangkapan pada masa tangkapan iaitu 'at the time of his arrest' dan tentang tangkapan pertama dimana beliau langsung tidak diberitahu sebab-sebab tangkapan pada masa tangkapan. Dengan segala hormatnya, mahkamah ini tidak berapa mengikuti isu di kes itu, dimana perkataan 'at the time of his arrest' dipakai untuk berkaitan dengan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan manakala perkataan yang digunakan di bawah art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan adalah 'as soon as may be'. Apa yang mahkamah ini fahami diantara perkataan 'as soon as may be' dan "at the time of arrest" adalah 'as soon as may be' seperti yang dibincang diatas memberi makna seberapa cepat yang boleh manakala 'at the time of arrest' memberi makna pada masa tangkapan atau sebaik sahaja ditangkap.

Oleh itu, dengan segala hormatnya, mahkamah ini harus membezakan isu yang timbul di dalam kes *Dharamjit Singh Johar Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam*

Negeri, Malaysia & Anor [1991] 1 CLJ 737; [1991] 2 CLJ (Rep) 559 yang tidak boleh dipakai untuk kes di hadapan mahkamah ini.

Di dalam kes *Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Inspector General Of Police* [2001] 3 CLJ 198 at 218 and 219 dimana YA Augustine Paul J berkata bahawa:

> "… there is no requirement for the arresting officer to set out the reasons for his belief in effecting the arrest…" "That of course does not mean that an officer authorising a detention may do so automatically without any consideration of the need to authorise the detention. He must be satisfied that there are reasons to justify the detention." "However, he need not disclose the reasons. Any disclosure of the reasons would violate the right conferred by s. 16 of the Act and art. 151(3) of the Federal Constitution which the arresting officer has asserted in this case."

Walau bagaimanapun, didalam kes di hadapan mahkamah ini, s. 4(4)(b) Ordinan 1969 dan art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan ada berkaitan.

Sebaliknya, didalam kes *Abdul Ghani Haroon v. Ketua Polis Negara And Gobalakrishnan Nagappan Ketua Polis Negera* [2001] 2 CLJ 709 di ms. 720 Y.A. Mohd Hishamudin J berkata:

> It is to be noted that the affidavit merely mentions 'sebab-sebab' but does not go on to elaborate as to what the grounds (sebab-sebab) were. The affidavit must disclose the grounds. The need to disclose the grounds becomes all the more imperative if one were to consider the fact that the arresting officer in paras. 4 and 5 of his affidavit had failed to satisfy the court that the arrest was in accordance with s. 73(1) read with s. 8 of the ISA. In the circumstances, I am impelled to hold that there were no grounds told to the detainee, and such an omission was a breach of art. 5(3) of the Constitution, and this breach renders the arrest and detention unlawful.

Walau bagaimanapun fakta-fakta dan perenggan 4 dan 5 afidavit tersebut di kes *Abdul Ghani Haroon* harus di bezakan dengan kandungan afidavit lampiran 6H dan eks. "A1" di dalam kes di hadapan mahkamah ini.

Walau bagaimanapun, sekiranya apa yang diberitahu oleh Sarjan Abdullah Bin Awang seperti di perenggan 3, 4, 5, dan 6 dan seperti eks. "A1" lampiran 6H tidak mencukupi untuk mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan, mahkamah ini berpendapat bahawa perenggan 4 sub perenggan 2 didalam lampiran 6H dengan jelas menunjuk bahawa beliau tidak memberitahu butir-butir maklumat yang diterima kerana itu adalah bertentangan dengan kepentingan negara. Seterusnya, walaupun Ordinan 1969 di istiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di bawah art. 150 Perlembagaan Persekutuan, mahkamah ini berpendapat bahawa ini bukan bermakna art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dipakai

untuk tangkapan dan tahanan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969. (Rujuk juga s. 4(4)(b) Ordinan 1969).

Dengan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa tangkapan dan tahanan oleh polis di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 adalah sah dan tidak melanggar peruntukkan di bawah art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dihujah oleh peguam pemohon. Seterusnya, tahanan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 adalah sah.

Walau bagaimanapun dan selanjutnya bukankah dan sekiranya pemohon mendapati tangkapan dan tahanan di bawah s. 3(1) tidak mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan, beliau telah diberi peluang di bawah s. 4(4)(C) baca bersama-sama dengan s. 5 Ordinan 1969 untuk kemukakan sebarang aduan kepada Lembaga Penasihat. Section 4(4)(C) Emergency (Public Order And Prevention Of Crime) Ordinance 1969 menyatakan seperti berikut:

> (4) Whenever any person is detained under a detention order he shall, in accordance with Article 151 of the Constitution, as soon as may be:
>
> (c) be given the opportunity of making representations against the order as soon as may be.

Di dalam kes ini tidak ada sebarang aduan atau alasan yang dikemukakan oleh peguam pemohon selain daripada dua isu yang dibangkitkan di dalam permohonan jenayah ini seperti dipersetujui oleh peguam pemohon pada peringkat permulaan kes dimulakan dihadapan mahkamah ini, dan isu pemohon tidak diberi peluang seperti di s. 4(4)(c) Ordinan 1969 bukanlah satu isu dihadapan mahkamah ini. Oleh itu, hujah peguam bijaksana bagi pemohon bahawa sekiranya pemohon diberitahu sebab-sebab untuk tangkapannya sebaik sahaja beliau ditangkap, beliau dapat peluang memberi penjelasan dan mengemukakan pembelaan kepada polis adalah tidak berasas. Tangkapan dan tahanan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 seperti dinyatakan sebelum ini adalah untuk siasatan. Perintah yang dikeluarkan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 adalah untuk tahanan dan peruntukkan di bawah s. 5 Ordinan 1969 adalah untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Mahkamah ini juga ingin menyatakan bahawa keputusan mahkamah dihadkan diatas kedua-dua isu sahaja seperti yang disetujui oleh peguam pemohon dan peguam persekutuan bagi responden-responden dan perkara-perkara yang ada kaitan dengan kedua-dua isu yang dibincang didalam kes ini dimana keputusan dibuat.

Mahkamah ini juga ingin membawa perhatian bahawa apabila pemohon diberi peluang untuk membuat representasi melalui borang 1 eks. “KA1” seperti di afidavit Encik Khalid Bin Ahmad lampiran 7C, pemohon langsung tidak membangkit kedua-dua isu yang dikemukakan oleh peguam yang bijaksana bagi pemohon dalam permohonan jenayah ini. Apa yang pemohon buat mengikut eks. “KA1” tersebut adalah pemohon hanya membuat rayuan

terhadap perintah tahanan supaya perintah tahanan dapat disingkatkan. Perintah tahanan tersebut dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada masa itu, Dato' Baseri @ Azmi Bin Khalid seperti afidavit lampiran 7A.

Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa Ordinan 1969 telah menetapkan peruntukkan dengan tujuan dan tugas asing-asing kepada peringkat ke peringkat. Pemohon tidak boleh mengunakan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan dan menuduh bahawa art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak dipatuhi kerana pemohon seolah-olah tidak diberi peluang untuk membuat representasi kepada polis di peringkat tangkapan dan tahanan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 oleh polis seperti dihujah oleh peguam pemohon terlebih dahulu. Tidak boleh dinafikan bahawa dalam tempoh siasatan di bawah s. 3(1) Ordinan 1969, pemohon akan disoal siasat dan kenyataan-kenyataan diambil dan sekiranya, beliau mahu memberi sesuatu apa jua pun, pemohon boleh memberitahu kepada polis di peringkat siasatan ataupun kepada Lembaga Penasihat pada peringkat representasi dibuat. Juga, tidak ada sebarang penafian di afidavit bagi pemohon lampiran 4 bahawa pemohon tidak diberi peluang untuk memberi sebarang maklumat kepada polis pada peringkat tahanan oleh polis untuk siasatan di bawah s. 3 Ordinan 1969. Pemohon telah diberitahu oleh Sarjan Abdullah Bin Awang bahawa tangkapan beliau adalah di bawah s. 3(1) Ordinan 1969 kerana ada sebab-sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan bagi mematutkan pemohon di tahan di bawah s. 4 Ordinan 1969. Juga, mengikut eks. "A1" THSL report 4399/99 di lampiran 6H juga menyatakan bahawa semasa tangkapan dibuat oleh Sarjan Abdullah Bin Awang beliau juga menerangkan kepada pemohon sebab-sebab tangkapan melainkan butir-butir tidak diberi sebab responden-responden di lindungi di bawah art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, mahkamah ini tidak menghargai aduan oleh pemohon bahawa sekiranya beliau diberitahu butir-butir untuk tangkapan seperti yang terkandung di bawah perintah tahanan, beliau boleh membuat representasi kepada polis.

Seterusnya di sini juga adalah penting untuk menyatakan bahawa tidak ada sebarang afidavit jawapan oleh pemohon kepada afidavit-afidavit termasuk afidavit lampiran 6H yang difailkan bagi responden-responden yang telah menyangkal dakwaan-dakwaan oleh pemohon melalui lampiran 4. Mahkamah mendapati bahawa keputusan mahkamah bagi permohonan jenayah untuk *habeas corpus* adalah berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang terkandung dalam afidavit-afidavit didalam kes ini. Mahkamah ini berpendapat bahawa sekiranya pemohon ingin membuat sebarang cabaran kepada apa yang dikatakan di afidavit-afidavit jawapan bagi responden-responden ia harus di jawab melalui afidavit bagi pemohon dan bukan semata-mata aduan di buat oleh peguam daripada meja peguam.

Oleh itu, mahkamah dapati adalah lebih wajar dan selamat sekiranya pemohon dapat membalas afidavit jawapan bagi responden-responden. Mahkamah ingin

menyatakan bahawa cadangan ini bukan dikatakan bahawa isu undang-undang harus dinyatakan atau diplidkan dalam afidavit seperti yang terkandung dalam hujah-hujah peguam pemohon tetapi sekurang-kurangnya pemohon harus menjawab kepada afidavit Detektif Sarjan Abdullah Bin Awang lampiran 6H yang di ikrar pada 16 Ogos 2000 dan eks. "A1". Sekiranya art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan tidak dipatuhi seperti diadu oleh pemohon dan dihujah oleh peguam pemohon bukankah afidavit Sarjan Abdullah Bin Awang Lampiran 6H difailkan berasingan, eks. "A1" dengan tujuan untuk menyangkal dakwaan pemohon dan untuk menjawab bahawa art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan telah dipatuhi seperti yang dikehendaki walaupun butir-butir fakta-fakta tangkapan tidak dapat disampaikan kepada pemohon pada masa tangkapan. Oleh itu, dan didalam keadaan itu, bukankah perlu satu afidavit jawapan daripada pemohon bahawa responden-responden masih tidak mematuhi keperluan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan atau apa yang dikatakan oleh Sarjan Abdullah Bin Awang melalui lampiran 6H bersama eks. "A1" tidak mencukupi untuk mematuhi art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati bahawa keselamatan negara dan kepentingan awam harus juga diberi perhatian didalam sesuatu permohonan jenayah yang berkaitan dengan Ordinan 1969.

Isu Yang Kedua

Isu yang kedua seperti yang dibangkit oleh peguam pemohon adalah perintah tahanan bertarikh 1 September 1999 yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri dan diserahkan pada pemohon pada 2 September 1999 dan seterusnya tahanan pemohon di Balai Polis dari 2 September 1999 hingga 4 September 1999 adalah tidak sah. Oleh itu, beliau berhujah tahanan seterusnya di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam pun adalah tidak sah.

Keputusan Mahkamah Tentang Isu Kedua

Mahkamah berpendapat bahawa tahanan pemohon dari 2 September 1999 hingga 4 September 1999 sebelum pemohon diserah kepada Pusat Simpang Renggam bukan bermakna bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 adalah tidak sah.

Walau bagaimanapun, Section 4(1), 4(2) dan 4(C) Emergency (Public Order And Prevention Of Crime) Ordinance 1969 harus dirujuk di mana ia menyatakan bahawa:

> 4(1) If the Minister is satisfied that with a view to preventing any person from acting in any manner prejudicial to public order it is necessary that that person should be detained, or that it is necessary for the suppression of violence or the prevention of crimes involving violence that that person should be detained, the Minister shall make an order (hereinafter referred to as "detention order") directing that that person be detained for any period not exceeding two years.

(2) Every person detained in pursuance of a detention order shall be detained in such place as the Minister may direct and in accordance with instructions issued by the Minister and any rules made under sub-section.

Oleh kerana pemohon tidak diserahkan kepada Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam sebaik sahaja perintah s. 4(1) Ordinan 1969 dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon pada 2 September 1999, ini bukan bermakna bahawa tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam sejak 5 September 1999 bukanlah sah. Apa yang penting adalah kandungan dan syarat-syarat perintah tahanan dengan jelas menunjuk tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam berkuatkuasa hanya pada 5 September 1999. Walau bagaimanapun sekiranya pemohon mendapati bahawa tahanan beliau mulai 2 September 1999 hingga 4 September 1999 adalah tidak sah, ini tidak akan atau mestinya membuat perintah tahanan tidak sah atau berkuatkuasa atau akan berkuatkuasa s. 4 Ordinan 1969 telah dipinda sekarang dimana s. 4(C) Ordinan 1969 memberi perlindungan kepada responden-responden dan menyangkal isu kedua tersebut yang dibangkit oleh peguam pemohon. Section 4(C) Ordinan 1969 harus juga dirujuk dan dengan jelas menyatakan seperti berikut:

No detention order shall be invalid or inoperative by reason: (emphasis by this Court)

(a) that the person to whom it relates:

(i) was immediately after the making of the detention order detained in any place than a place of detention directed by the Minister under Section 4(2) (hereinafter in this Section referred to as "the place of detention");

(ii) continued to be detained immediately after the making of the detention order in the place in which he was detained under Section 3 before his removal to the place of detention, notwithstanding that the maximum period of such detention under Section 3(3) had expired; OR

(iii) was during the duration of the detention order on journey in police custody or any other custody to the place of detention;

Oleh itu, hujahan peguam pemohon bahawa art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan tidak harus dipakai bagi s. 3(1) Ordinan 1969 kerana Ordinan 1969 di istiharkan di bawah art. 150(2) tidak dapat diterima oleh mahkamah ini dan harus di tolak. Mahkamah ini mendapati dengan segala hormatnya bahawa penghujahan peguam pemohon adalah tidak berapa konsisten dimana sekiranya sesuatu article di Perlembagaan Persekutuan kononnya memberi faedah atau membantu pemohon hujahan oleh peguam pemohon adalah article tersebut harus dipakai bagi pemohon diatas interpretasi peguam pemohon dan beliau berhujah kehendak-kehendak itu tidak dipatuhi oleh responden-responden.

Sebaliknya dan sekiranya article atau peruntukkan di Ordinan 1969 tidak memberi faedah atau membantu pemohon tetapi menyangkal isu yang dibangkit oleh peguam pemohon, beliau langsung tidak membawa perhatian kepada mahkamah perkara itu supaya mahkamah dapat membuat keputusan yang adil. Peruntukkan di bawah s. 4(C) Ordinan 1969 tidak dibawa perhatian kepada mahkamah untuk isu kedua dan mahkamah ini sendiri membuat penyelidikan untuk mendapati bahawa Seksyen 4(C) Ordinan 1969 menyangkal hujahan peguam pemohon tentang isu kedua tersebut. (lihat kes *Lee Tai Hoo & Anor v. Lee Swee Keat & Anor* [1987] 1 MLJ 304 di ms. 310) - ("justice divorced from truth is no justice" - per Ambrose J) (lihat kes *Gleb Sugar Refining Co Ltd v. Greenock Port And Harbours Trustees* [1921], Vol 125 LT 579 - Lord Birkenhead). Seperti yang disebut terlebih dahulu mahkamah berpendapat bahawa art. 151(3) Perlembagaan Persekutuan boleh dipakai oleh responden-responden seperti yang dinyatakan di perenggan 4 sub perenggan 2 afidavit lampiran 6H.

Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa tahanan pemohon di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 adalah sah disisi undang-undang dan tidak menjejaskan perintah tahanan walaupun pemohon tidak di bawa serta merta ke Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam atau sebaik sahaja perintah s. 4(1) Ordinan 1969 diserahkan kepada pemohon kerana tahanan dilindungi oleh s. 4(C) Ordinan 1969. Walau bagaimanapun sekiranya pemohon dapati bahawa tahanan daripada 2 September 1999 hingga 4 September 1999 adalah tidak sah, mahkamah ini berpendapat permohonan *habeas corpus* bukanlah remedi untuk perkara itu dan tentang perintah yang dikeluarkan di bawah s. 4(1) Ordinan 1969 kerana peruntukkan di bawah s. 4(C) Ordinan 1969 dengan jelas memberi perlindungan kepada responden-responden.

Di dalam kes *Dato' Menteri Othman Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus* [1981] 1 MLJ 29 at 32 Raja Azlan Shah Ag LP (pada masa itu) sekarang HRH The Sultan of Perak berkata:

> In general the existence of another remedy is not sufficient to make a declaration unavailable but the courts may decide that that other remedy is more appropriate to the circumstances.

Di akhirnya, mahkamah ini ingin merujuk kepada *Theresa Lim Chin Chin & Anor v. Insp Jeneral Police* [1988] 1 MLJ 293 at 298 dimana Salleh Abas LP berkata:

> In a proceeding like the present one where both the legislation and the executive act under it are challenged, our duties are not to substitute our decision for that of the executive. We are only concerned with the procedural aspects of the exercise of executive discretion. We have no interest, nor desire, to embark upon trespassing into the domains of the legislature or the executive.

> In a democratic society in which the government is not absolute but a limited one, there is a duty on the part of the executive to act with fairness and follow a fair procedure. Since in these appeals, the law is clear, despite the fact that it is much criticized both at home and abroad, our decision cannot be otherwise than what we have said earlier. We made this observation because we feel that we owe a duty to the public to put our position on record in view of so many adverse comments made against us.

Diatas alasan-alasan seperti yang dinyatakan diatas, setelah mendengar hujah-hujah peguam bijaksana bagi pemohon, peguam persekutuan yang bijaksana yang mewakili responden-responden dan setelah meneliti dan membaca semua otorit-otoriti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak bersama-sama dengan hujahan tulisan peguam pemohon lampiran 17 dan lampiran 19 dan peruntukan di bawah Ordinan 1969, article-article Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan, mahkamah ini dengan segala hormatnya mendapati bahawa kedua-dua isu yang dikemukakan bagi pemohon oleh peguam yang bijaksana tidak boleh dikekalkan (cannot be sustained) sebagai alasan atau alasan-alasan untuk membenarkan *habeas corpus* atau permohonan ini. Oleh yang demikian permohonan jenayah lampiran 2 oleh pemohon ditolak.

Mahkamah juga mencatit seperti yang dipohon dan dipersetujui oleh peguam pemohon dan peguam persekutuan bagi responden-responden bahawa keputusan mahkamah ini diatas isu pertama berikat dan dipakai sebagai keputusan (binding) kepada permohonan jenayah No: (1) 44-27-2000, (2) 44-43-2000, (3) 44-62-2000, (4) 44-67-2000, (5) 44-71-2000, (6) 44-2-2001 dan (7) 44-7 -2001. Dengan itu mahkamah berpuas hati bahawa tahanan pemohon-pemohon di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam Johor adalah sah. Oleh itu, permohonan jenayah No: (1) 44-25-2000, (2) 44-27-2000, (3) 44-43-2000, (4) 44-62-2000, (5) 44-67-2000, (6) 44-71-2000, (7) 44-2-2001 dan (8) 44-7-2001 ditolak.

Perakuan Segera

Mahkamah ingin mengambil kesempatan menyatakan sedikit tentang perakuan segera yang telah difailkan bagi pemohon didalam kes ini. Tujuan perakuan segera adalah jelas difailkan apabila perkara itu perlu perhatian segera atau serta merta oleh mahkamah dan juga permohonan itu didengar dengan segera. Oleh itu, adalah wajar untuk menyatakan bahawa mana-mana pihak atau peguam yang memfailkan perakuan segera harus memastikan bahawa perakuan segera itu benar-benar perlu difailkan bersama-sama dengan permohonan atau sebarang tindakan dan tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Untuk tujuan itu, mahkamah ini berpendapat bahawa perakuan segera ditetapkan untuk di tandatangani oleh seorang peguamcara dan peguambela dan bukan sebuah firma peguamcara dan peguambela supaya peguambela tersebut boleh bertanggungjawab bagi perakuan segera tersebut. Di dalam kes ini mahkamah dapati alasan-alasan yang disandarkan bagi memperakui seperti perakuan segera

lampiran 2 langsung tidak menyatakan atau menjelaskan mengapa permohonan jenayah ini harus didengar dengan segera atau serta merta. (Sila rujuk nota amalan No. 3 Tahun 1985 yang dikeluarkan oleh YAA Hakim Besar dan kes *Tong Chai Yoon v. Ong Seng Tio* [1999] 8 CLJ 636). Adalah wajar untuk menyatakan disini bahawa pada tarikh Perakuan Segera difailkan di mahkamah ini, saya tidak ditugaskan di Mahkamah Tinggi Taiping.

Oleh demikian mahkamah berpendapat bahawa peluang yang diberi kepada seorang peguambela untuk memfailkan perakuan segera tidak disalahgunakan kerana, satu kes ditetapkan pada tarikh awal atau dengan segera dan serta merta, ia akan menafikan peluang kepada satu kes yang lain atau kepada seorang litigant yang lain daripada mendengar kes beliau yang telahpun ditetapkan terlebih dahulu. Didalam kes ini perakuan segera bertarikh 8 Jun 2000 lampiran 2 difailkan pada 9 Jun 2000. Oleh kerana notis usul harus didengar secara *inter parte* dan harus diserahkan kepada ketiga-tiga responden, notis usul bertarikh 16 Jun 2000 ditetapkan untuk pendengaran pada 14 Julai 2000. Malangnya mahkamah ini berpendapat bahawa pemohon tidak berapa serious apabila memfailkan perakuan segera di dalam kes ini kerana banyak permohonan untuk penangguhan dibuat diatas pelbagai alasan dan ini adalah bertentangan dengan tujuan perakuan segera.

Mahkamah juga ingin mengambil peluang untuk menyatakan bahawa semua permohonan atau tindakan yang difailkan di Mahkamah Tinggi bersama dengan perakuan segera harus dirujuk kepada hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi untuk menimbang samada perbicaraan harus didengar dengan segera atau serta merta. Mahkamah ini ingin mengingatkan bahawa keputusan diatas perakuan segera adalah satu keputusan kehakiman dan bukan keputusan pentadbiran dan keputusan ini harus dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi samada untuk memberi tarikh dengan segera atau tidak.